

13/08/1998

Pendirian Anwar disambut baik

rwati Salleh

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa badan perhubungan Umno negeri hari ini mengalu-alukan pendirian Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tidak mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden Umno dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Malah mereka turut menyatakan pendirian untuk mencalonkan Perdana Menteri sebagai Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri sebagai timbalan presiden.

Di KUALA TERENGGANU: Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata pendirian Anwar tidak akan mencabar Dr Mahathir bagi jawatan Presiden Umno itu menamatkan spekulasi atau khabar angin yang digembar-gemburkan golongan tertentu.

"Umno negeri akan terus menyokong penuh kepemimpinan Dr Mahathir dan kekal mencalonkan beliau sebagai Presiden Umno pada pemilihan parti tahun depan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran kempen derma buku di hadapan bangunan Pos Malaysia Bhd, di sini hari ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kenyataan Anwar itu tepat pada masa bagi mengelakkan sebarang pergolakan dalam Umno dan spekulasi yang dibuat pihak luar yang sentiasa mencari jalan untuk mengeruhkan suasana politik di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), di sini, beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Johor berkata, seluruh 20 bahagian Umno Johor menerima kenyataan itu dan akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Dr Mahathir.

Di KUANTAN: Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata ahli Umno kini tidak lagi perlu berasa bimbang atau menghabiskan masa membicarakan hal berkaitan dengan pertandingan merebut jawatan presiden parti itu.

"Dengan kenyataan Anwar itu, kita berharap dapat meredakan keadaan," katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Di KOTA KINABALU: Ketua Menteri Sabah yang juga Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok, berkata BN Sabah menyambut baik pendirian Anwar tidak mencabar Dr Mahathir bagi jawatan Presiden Umno.

Beliau menyifatkan keputusan Anwar itu langkah paling baik mengekalkan perpaduan dalam parti itu serta keharmonian rakyat negara ini.

"Apa yang penting sekarang mengekalkan perpaduan negara serta memberikan tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi yang terjejas," katanya selepas menghadiri pelancaran kempen mengibar Jalur Gemilang, di sini hari ini..

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, berkata sekiranya berlaku pertandingan jawatan nombor satu, Umno Sabah akan tetap menyokong penyandangannya iaitu Dr Mahathir.

"Tetapi Umno Sabah yakin tidak akan berlaku pertandingan jawatan presiden tahun depan," katanya ketika ditemui di majlis yang sama.

Di MELAKA: Ketua Menterinya, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata semua lima bahagian Umno di Melaka akan hanya mencalonkan Dr Mahathir serta Anwar untuk mengekalkan jawatan masing-masing sebagai Presiden serta Timbalan Presiden Umno menjelang pemilihan parti itu tahun depan.

Menurutnya, keputusan itu selaras dengan ikrar sokongan Umno Melaka terhadap kepemimpinan Dr Mahathir serta Anwar ketika lawatan Perdana Menteri ke negeri ini pada 11 Julai lalu.

Di KUCHING: Kerajaan Sarawak menyatakan sokongan padu terhadap pendirian Anwar tidak akan mencabar Dr Mahathir bagi jawatan Presiden Umno, dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata keputusan Anwar itu menggambarkan negara akan terus mengalami suasana politik yang stabil dan perpaduan kukuh dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

"Apa yang paling penting ketika negara sedang berhadapan dengan kegawatan ekonomi ialah terus memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, bukan sebaliknya," katanya.

Taib berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Dana Buku Peringkat Negeri Sarawak, di Wisma Bapa Malaysia, di sini petang ini.

Beliau berkata, keputusan Anwar perlu ke arah memberi tumpuan bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dirangka oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diumumkan penghujung Julai lalu.

(END)